

NADI PERTUMBUHAN ASEAN

Laporan Tahunan 2016



Visi Kami

Menjadi rakan niaga pilihan di Asia untuk penjana dana, dagangan dan pelaburan.

Misi Kami

Sebagai rakan niaga pilihan, Bursa Malaysia menawarkan pasaran yang adil dan teratur serta mudah dicapai dengan produk dan perkhidmatan yang pelbagai dan inovatif.

Nilai Teras Kami

Building Relationships (Membina Hubungan)

United to Achieve (Bersatu demi Pencapaian)

Responsibility (Tanggungjawab)

Simplicity (Kesederhanaan)

Agility (Tangkas)

Strategi Kami

Dalam perjalanan kami untuk menjadi **PASARAN MULTINASIONAL ASEAN**, Arah Tuju Strategik kami adalah halatuju yang membimbing kami ke hadapan dan mengukuhkan kedudukan kami sebagai nadi pasaran serantau.

Bagi membina kekuatan yang akan melonjakkan kami ke arah pencapaian matlamat kami, empat Hasrat Strategik (SI) telah kami gariskan. Kami menajarkan inisiatif-inisiatif kami agar selari dengan keempat-empat SI ini bagi memastikan bahawa pendekatan kami dalam pembangunan dan pembentukan semula produk-produk dan struktur mikro atau ekosistem kami adalah komprehensif dan efisien.

Dalam membina strategi kami, kami turut mengambilkira perkembangan terbaru dalam pasaran global, persekitaran operasi dan input daripada pemegang berkepentingan. Kesemua ini adalah faktor-faktor penting yang memberi

impak kepada prestasi kami. Pembentangan lanjut mengenai perkara ini disediakan pada muka surat 12 hingga 14 dalam Laporan Tahunan 2016.

Dengan kesungguhan berterusan, kami menajarkan tindakan kami agar selari dengan tonggak-tonggak strategik ini ke arah pencapaian hasil yang dipandu matlamat kami. Tumpuan kami adalah ke atas kerjasama dan gabungan bersama bursa-bursa ASEAN dan pembinaan pasaran modal Islam yang saling berhubung kait. Menjelang 2020, kami beriltizam bahawa matlamat kami untuk menjadi sebuah pasaran maju dengan jangkauan serantau telah tercapai.



Utusan Pengerusi kepada Pemegang Saham

TAN SRI AMIRSHAM A AZIZ
Pengerusi

Pemegang Saham yang Dihormati,
Bursa Malaysia akan terus fokus kepada peranannya sebagai pengawal selia barisan hadapan bagi pasaran yang efisien dan pencipta nilai untuk pihak berkepentingannya. Kami berada di landasan yang betul dalam melaksanakan fasa seterusnya bagi strategi kami.



BERDAYA TAHAN MENGHADAPI KETIDAKTENTUAN

Pasaran modal global berhadapan dengan ketidaktentuan prospek pertumbuhan ekoran turun naik harga komoditi, kelembapan pertumbuhan global dan keputusan di luar jangka referendum Kesatuan Eropah di United Kingdom yang menjejaskan sentimen pelabur global. Bagaimanapun, asas yang kukuh telah menyumbang kepada daya tahan pasaran modal Malaysia.

Perniagaan bursa global terus kekal kompetitif, dipacu oleh teknologi yang menyediakan akses segera kepada pelbagai pasaran merentasi zon masa yang berbeza serta perubahan infrastruktur akibat kemajuan teknologi seperti *blockchain*.

SOROTAN KAMI:

Di tempat ke-4 daripada 138 ekonomi bagi Kekuatan Perlindungan Pelabur dan ke-30 bagi Kawal Selia Terbaik Pasaran Sekuriti seperti yang dilaporkan dalam *World Economic Forum – Global Competitiveness Report 2016-2017*.

Di tempat ke-3 daripada 190 ekonomi bagi Perlindungan Pelabur Minoriti berdasarkan Laporan *The World Bank – Doing Business 2017*.

Di pasaran tempatan, kelembapan ekonomi China telah menjejaskan pasaran ekuiti manakala harga komoditi yang tidak menentu telah mencipta peluang untuk Pasaran Derivatif. Sentimen pasaran yang lemah telah menyaksikan pengurangan dalam bilangan Tawaran Awam Awal (IPO) dalam kebanyakan pasaran serantau termasuk Malaysia. Pada 2016, dana yang dikumpulkan melalui sebelas IPO dan pasaran sekunder masing-masing berjumlah RM0.6 bilion dan RM12.2 bilion, berbanding RM4.1 bilion dan RM17.1 bilion pada tahun sebelumnya.

Walaupun keadaan tidak menentu, kami berjaya mengekalkan prestasi kewangan kami. Perolehan dagangan yang lebih tinggi daripada Pasaran Derivatif serta pendapatan yang lebih baik daripada segmen Data Pasaran membantu menampung penguncupan pendapatan dagangan daripada Pasaran Sekuriti.

Kami mencatatkan Keuntungan Selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti (PATAMI) berjumlah RM193.6 juta yakni penurunan sebanyak 2.5% berbanding 2015. Bagi tempoh tahun kewangan yang dikaji, Lembaga Pengarah telah mencadangkan dividen akhir satu peringkat sebanyak 17.0 sen sesaham. Ini menjadikan jumlah

keseluruhan dividen bagi tahun penuh sebanyak 34.0 sen, mewakili nisbah pembayaran dividen sebanyak 94.2% daripada PATAMI, yakni lebih tinggi berbanding pembayaran pada 2015 iaitu sebanyak 92.9%.

PENGAWAL SELIA BARISAN HADAPAN DAN PENCIPTA NILAI YANG DIYAKINI

Bursa Malaysia komited dalam menyediakan platform bagi pengumpulan dana, pelaburan dan dagangan yang efisien disokong dengan rangka kerja kawal selia yang mantap. Kami berusaha memastikan keseimbangan yang sewajarnya dalam pendekatan kami mengawal selia pasaran. Tadbir urus pasaran dan kekuatan perlindungan pelabur kami telah diiktiraf sebagai salah satu yang terbaik bagi Pasaran Baru dan juga setaraf dengan Pasaran Maju.

Malaysia berada di tempat keempat daripada 138 ekonomi bagi Kekuatan Perlindungan Pelabur dan ke-30 bagi Kawal Selia Terbaik Pasaran Sekuriti seperti yang dilaporkan dalam *World Economic Forum – Global Competitiveness Report 2016-2017*. Malaysia juga berada di tempat ketiga daripada 190 ekonomi bagi Perlindungan Pelabur Minoriti berdasarkan Laporan *The World Bank – Doing Business 2017*.

DANA DIKUMPUL

**RM12.8
bilion**

**PEMODALAN
PASARAN EKUITI**


**RM1.7
trilion**

setakat 31 Disember 2016

Tadbir urus pasaran dan kekuatan perlindungan pelabur kami telah diiktiraf sebagai salah satu yang terbaik bagi Pasaran Baru dan juga setaraf dengan Pasaran Maju.



Utusan Pengerusi kepada Pemegang Saham



Dalam beberapa tahun kebelakangan, Bursa Malaysia telah memberi tumpuan kepada pembinaan pasaran modal Malaysia yang mampan, mengambil langkah menyediakan indeks yang berasaskan kemampunan di samping menggalak pendedahan kemampunan korporat. Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia (F4GBM) merupakan bukti bahawa sebagai pengawal selia barisan hadapan kami mampu membawa perubahan kepada pembangunan mampan negara jangka panjang, meningkatkan sasaran dan sebagai peneraju di pasaran Malaysia dan ASEAN. Setakat bulan Disember 2016, terdapat 42 konstituen bagi indeks F4GBM iaitu peningkatan sebanyak 17 konstituen sejak pelancarannya pada tahun 2014. Inisiatif ini akan memastikan Bursa Malaysia kekal berada dalam radar pelabur yang ingin melabur dalam syarikat-syarikat yang mempraktikkan amalan mampan terbaik.

Mengekalkan prestasi di tengah-tengah ketidakpastian bukan sahaja memerlukan kami bertindak balas kepada keadaan pasaran, tetapi juga mencari pendekatan baru untuk perniagaan kami.

Meningkatkan pendedahan yang dibuat tepat pada masanya dan berkualiti oleh syarikat-syarikat tersenarai merupakan salah satu aspek penting yang terus menjadi keutamaan kami. Agar pihak berkepentingan mempunyai kepercayaan dan keyakinan dalam pasaran, kami akan terus mengimbangkan antara kawal selia dan dinamik pasaran. Melangkah ke hadapan, kami kekal komited dalam menangani sebarang cabaran yang mungkin timbul akibat perkembangan piawaian global dalam tadbir urus korporat dan kawal selia pasaran.

Sepanjang tahun kewangan yang dikaji, kami menggunakan pendekatan yang lebih progresif dalam pelaporan korporat kami.

Kami sedang melaksanakan prinsip panduan Majlis Pelaporan Bersepadu Antarabangsa untuk tempoh masa berbilang tahun. Dengan ini, Bursa Malaysia semakin hampir mengeluarkan satu Laporan Bersepadu sejajar dengan amalan terbaik antarabangsa bagi pelaporan prestasi.

Kami sentiasa berusaha menjadikan Bursa Malaysia sebuah bursa yang dinamik, yang menyokong pertumbuhan ekonomi dan menyediakan platform untuk pengumpulan dana yang efisien. Kami komited untuk menyediakan lebih banyak peluang bagi merangsang kerancakan serta daya tarikan pasaran kami. Kami akan terus mempelbagaikan produk dan perkhidmatan tawaran kami serta terus kekal sebagai peneraju dan relevan kepada keperluan pasaran. Kami juga menyokong sebarang usaha untuk merangsang pertumbuhan usahawan di dalam sektor Perusahaan Kecil-Sederhana. Kami akan terus mencari jalan untuk membantu pertumbuhan segmen ini serta segmen-segmen lain bagi meningkatkan penyertaan pasaran keseluruhan.

Dalam ASEAN, Bursa Malaysia berada di kedudukan yang baik dan bermanfaat daripada penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN pada 2015 dan pertumbuhan rantau ini. Pada April 2016, Menteri-menteri Kewangan ASEAN telah meluluskan Pelan Tindakan Forum Pasaran Modal ASEAN (ACMF) 2016-2020. Ini akan mempercepatkan pelaksanaan pelbagai langkah bagi mencapai Visi ACMF 2025 sebagai Pasaran Modal ASEAN yang saling berhubungkait, inklusif dan berdaya tahan. Bagi pertumbuhan serantau, Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dalam laporan *World Economic Outlook* bagi bulan Oktober 2016 telah mengunjurkan pertumbuhan yang kukuh iaitu pada 5.1% bagi 2017 berbanding 4.8% bagi 2016 untuk ekonomi ASEAN-5 yang terdiri daripada Indonesia, Thailand, Malaysia, Filipina dan Vietnam.

Aspirasi kami untuk menjadikan Bursa Malaysia sebagai Pusat ASEAN dan pemain utama serantau dengan jangkauan antarabangsa masih kekal. Bagi pertumbuhan masa hadapan, kami berterusan memberi tumpuan meningkatkan keluasan dan kedalaman pasaran modal Malaysia, mewujudkan amalan-amalan terbaik antarabangsa dan mengukuhkan kedudukan serantau. Kami akan terus berkembang maju dan mengekalkan kepimpinan dalam bidang tadbir urus, kemampanan, derivatif komoditi, dan pasaran modal Islam.

Kami bernasib baik kerana mendapat manfaat daripada syarikat-syarikat tersenarai yang mempunyai operasi serantau sebagai sebahagian daripada saranan pelaburan ASEAN yang menarik. Seperti sedia ada, kami telah meningkatkan kedudukan Malaysia di peringkat antarabangsa menerusi pelbagai platform seperti siri jelajah Invest Malaysia di beberapa bandar terkemuka dunia, serta acara tahunan *Palm and Lauric Oils: Price Outlook Conference & Exhibition* yang melibatkan peserta antarabangsa.

MAJU KE HADAPAN

Kami teruja dengan unjuran pertumbuhan ekonomi Malaysia sebanyak 4.6% bagi 2017 oleh IMF. Bagaimanapun, persekitaran ekonomi dan geopolitik global masih tidak menentu serta kerumitan status perjanjian dagangan bebas dunia masih belum mencapai sebarang keputusan. Dengan prospek pertumbuhan global dan dagangan yang masih tidak menentu, 2017 akan menjadi satu lagi tahun yang mencabar bagi Bursa Malaysia. Sungguhpun begitu, kami tetap yakin memandangkan kemajuan yang telah dicapai bagi fasa seterusnya dalam pelan strategik kami dan juga komitmen padu seluruh organisasi dalam menghadapi masa-masa mencabar ini.

PENGHARGAAN

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada para pemegang saham kami atas sokongan berterusan mereka. Penghargaan istimewa juga ditujukan kepada semua kakitangan Bursa Malaysia yang kekal komited dan sentiasa bersedia dan terbuka menghadapi persekitaran operasi kami yang sentiasa berubah. Penghargaan peribadi saya ditujukan kepada rakan Lembaga Pengarah iaitu Dato' Zuraidah Atan dan Dato' Saiful Bahri Zainuddin yang akan bersara pada suku pertama 2017.

Kecanggihan dan persaingan yang semakin meningkat dalam perniagaan kami serta perubahan dinamik di kalangan para pelabur kekal sebagai fokus bersama oleh kakitangan kami, pihak Pengurusan, rakan-rakan Lembaga Pengarah dan saya selaku Pengerusi.

Tumpuan kepada ketangkasan dan inovasi serta usaha syarikat-syarikat tersenarai kami dan lain-lain pihak berkepentingan, terutamanya pengawal selia dan pembuat dasar seperti Kementerian Kewangan, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Bank Negara Malaysia, membantu memastikan Bursa Malaysia kekal sebagai peneraju piawaian serantau dalam tadbir urus dan pelaporan, dan lebih penting lagi, kekal di tengah-tengah agenda pertumbuhan pasaran modal ASEAN.



Tan Sri Amirsham A Aziz
Pengerusi

**Bursa Malaysia
KLCI FTSE
mengakhiri tahun
pada 1,641.73
mata berbanding
1,692.51 mata pada
penghujung 2015.**

**KADAR HASIL
DIVIDEN**

3.8%

setakat 31 Disember 2016

DIVIDEN BERSIH

34.0sen

pada 2016

Prestasi Kami

SOROTAN 5 TAHUN	31 DIS 2012 ¹	31 DIS 2013	31 DIS 2014	31 DIS 2015	31 DIS 2016
Keputusan Operasi Utama (RM juta)					
Hasil Operasi	388.5	439.8	471.3	487.7	472.7
Perbelanjaan Operasi	209.2	229.4	232.0	239.8	236.2
Pendapatan Sebelum Faedah, Cukai, Susut Nilai dan Pelunasan (EBITDA)	212.9	245.4	264.6	271.7	260.7
Keuntungan Selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti (PATAMI)	150.6	173.1	198.2	198.6	193.6
Data Utama Lain (RM juta)					
Jumlah Aset	2,198.4	1,741.7	1,656.5	2,086.5	2,436.4
Jumlah Liabiliti	1,325.1	914.2	893.8	1,267.0	1,549.1
Ekuiti Pemegang-Pemegang Saham	857.6	811.2	748.7	803.4	868.9
Perbelanjaan Modal	26.7	33.3	11.9	14.1	10.5
Nisbah Kewangan (%)					
Pertumbuhan Hasil Operasi	1.8	13.2	7.1	3.5	(3.1)
Nisbah Kos kepada Pendapatan	49.3	48.3	46.1	46.2	46.6
Margin Keuntungan Bersih	36.9	37.8	40.5	39.8	40.0
Pertumbuhan PATAMI	5.2	14.9	14.5	0.2	(2.5)
Pulangan Ekuiti (ROE)	17.7	20.7	25.4	25.6	23.2
Maklumat Saham					
Pendapatan Sesaham (EPS) (sen)	28.3	32.5	37.2	37.2	36.2
Dividen Bersih Sesaham (sen)	27.0	52.0	54.0	34.5	34.0
Hasil Dividen (%)	4.3	6.3	6.7	4.1	3.8
Nisbah Pembayaran (%)	94.8	98.5	91.5	92.9	94.2
Aset Bersih Sesaham (RM)	1.61	1.52	1.40	1.50	1.62
Harga Saham – Tinggi (RM)	7.72	8.47	8.32	9.00	9.26
Harga Saham – Rendah (RM)	5.91	6.22	7.40	7.48	8.18
Harga Saham pada 31 Disember (RM)	6.22	8.23	8.10	8.35	8.85
Nisbah Pendapatan Harga (gandaan)	22	25	22	22	24
Pemodalan Pasaran Syarikat (RM bilion)	3.3	4.4	4.3	4.5	4.7

1 Angka dan nisbah perbandingan telah dinyatakan semula bagi mengambilkira kesan daripada:


- Denda dan perbelanjaan berkaitan yang tidak lagi diiktiraf dalam penyata untung atau rugi berikutan penubuhan Dana Pendidikan dan Integriti Pasaran Modal (CMEIF) pada 1 Januari 2013.
- Keuntungan dan kerugian aktuari diiktiraf berikutan penggunaan MFRS 119 Manfaat Kakitangan (Disemak) pada 1 Januari 2013.

Sorotan Utama

HASIL OPERASI

▼ 3.1%


RM472.7
juta



PATAMI

▼ 2.5%


RM193.6
juta



PERBELANJAAN OPERASI

▼ 1.5%


RM236.2
juta



NISBAH KOS KEPADA PENDAPATAN

▲ 0.4 mata peratus


46.6%



DIVIDEN BERSIH SESAHAM

▼ 0.5 sen


34.0 sen



ROE

▼ 2.4 mata peratus

23.2%



MODAL KEWANGAN

RM472.7
juta

Hasil Operasi

RM268.1
juta

Modal Saham

MODAL INSAN

593

Bilangan kakitangan

MODAL INTELEK

740,000

Pelawat Bursa MKTPLC

MODAL SOSIAL

6,691

pelajar universiti yang terlibat

MODAL BUATAN

100%

Ketersediaan dan kebolehpercayaan perkhidmatan

Perbandingan Setara


PRESTASI INDEKS PENANDA ARAS (PADA 31 DISEMBER 2016)

INDEKS FBMKLCI Bursa Malaysia	INDEKS PCOMP The Philippines Stock Exchange	INDEKS JCI Indonesia Stock Exchange	INDEKS STI Singapore Exchange	INDEKS SET The Stock Exchange of Thailand
1,641.73 ▼ 3.0% dari 2015	6,840.64 ▼ 1.6% dari 2015	5,296.71 ▲ 15.3% dari 2015	2,880.76 ▼ 0.1% dari 2015	1,542.94 ▲ 19.8% dari 2015

Sumber: Bloomberg

PERTUMBUHAN INDEKS DI RANTAU ASEAN BAGI TEMPOH 5 TAHUN 2012-2016

Indeks FBMKLCI	Indeks PCOMP	Indeks JCI	Indeks STI	Indeks SET
7.3%	56.5%	38.6%	8.9%	50.5%



Sumber: Bloomberg

PEROLEHAN DIVIDEN (%)




Sumber: Bloomberg

Penjana Nilai Ekonomi Untuk Pemegang Saham

PEROLEHAN OPERASI

(RM juta)



Perdagangan Sekuriti	212.9
Perdagangan Derivatif	88.7
Perdagangan BSAS	16.4
Perkhidmatan Penyenaraian & Penerbitan	53.5
Perkhidmatan Depositori	39.0
Data Pasaran	35.3
Perkhidmatan Keahlian & Perhubungan	21.0
Lain-lain	5.9

Jumlah hasil operasi bagi tahun 2016 adalah RM472.7 juta

KOMBINASI PEMEGANG SAHAM




Institusi Domestik	65%
Individu Domestik	12%
Institusi Asing	22%
Individu Asing	1%

Pegangan saham awam kami sebanyak 61.4% mewakili apungan bebas saksama bagi saham-saham Bursa Malaysia dan tahap kecairan yang sihat. Pada akhir 2016, pemegang saham Bursa Malaysia berjumlah 16,699.


PEMODALAN PASARAN

(RM bilion)



*pada 31 Disember


PEMBAYARAN DIVIDEN KEPADA PEMEGANG SAHAM DALAM TEMPOH 5 TAHUN




— Dividen Interim (sen) — Dividen Akhir (sen) — Dividen Khas (sen)
 — Pembayaran dividen sebagai peratusan daripada PATAMI, tidak termasuk dividen khas

PRESTASI HARGA SAHAM

Prestasi Harga Saham Bursa Malaysia berbanding FBMKLCI



Prestasi Harga Saham Bursa Malaysia berbanding Bursa Saham Asia yang Tersenarai



Harga saham Bursa Malaysia meningkat sebanyak 6.0% pada tahun 2016 mencerminkan kebingkasannya dalam menghadapi keadaan pasaran yang tidak menentu. Bermula dengan kukuh pada RM8.35, harga saham Bursa Malaysia dinagakan pada paras tertinggi sejak tahun 2011 iaitu RM9.26 pada 12 Ogos 2016. Harga saham ditutup pada RM8.85 pada 30 Disember 2016.

Penyata Untung Rugi Yang Disatukan

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	2016	2015
	RM'000	RM'000
Hasil operasi	472,708	487,670
Pendapatan lain	34,075	30,834
	506,783	518,504
Kos kakitangan	(128,550)	(133,938)
Susut nilai dan pelunasan	(24,227)	(23,739)
Lain-lain perbelanjaan operasi	(83,416)	(82,051)
Keuntungan sebelum cukai	270,590	278,776
Perbelanjaan cukai pendapatan	(67,929)	(72,321)
Keuntungan bagi tahun	202,661	206,455
Keuntungan yang boleh diagihkan kepada:		
Pemilik-pemilik Syarikat	193,621	198,613
Kepentingan tidak dikawal	9,040	7,842
	202,661	206,455
Perolehan sesaham diagihkan kepada pemilik-pemilik Syarikat (sen sesaham)		
Asas	36.2	37.2
Dicairkan	36.0	37.0

Penyata Kedudukan Kewangan Yang Disatukan

PADA 31 DISEMBER 2016

	2016	2015
	RM'000	RM'000
Aset-aset		
Aset bukan semasa		
Hartanah, loji dan peralatan	183,240	191,214
Perisian komputer	47,107	52,873
Muhibah	42,957	42,957
Sekuriti pelaburan	237,188	203,401
Pinjaman kakitangan belum terima	3,525	4,392
Aset cukai tertunda	4,087	2,307
	518,104	497,144
Aset semasa		
Perdagangan belum terima	43,541	48,674
Lain-lain belum terima	23,999	23,042
Cukai boleh diperolehi semula	2,871	3,327
Sekuriti pelaburan	34,939	30,048
Tunai untuk margin ekuiti, margin dagangan derivatif, deposit sekuriti, cagaran Pinjaman dan Peminjaman Sekuriti (SBL) dan pengagihan eDividen	1,381,059	1,087,526
Tunai dan baki bank bagi Dana Penjelasan	126,213	125,568
Tunai dan baki bank Kumpulan	305,626	271,126
	1,918,248	1,589,311
Jumlah aset	2,436,352	2,086,455

Penyata Kedudukan Kewangan Yang Disatukan

PADA 31 DISEMBER 2016

	2016	2015
	RM'000	RM'000
Ekuiti dan liabiliti		
Ekuiti		
Modal saham	268,136	267,307
Premium saham	119,052	107,443
Rizab-rizab lain	157,843	109,875
Perolehan tertahan	323,909	318,825
Ekuiti diagihkan kepada pemilik Syarikat	868,940	803,450
Kepentingan tidak dikawal	18,300	16,018
Jumlah Ekuiti	887,240	819,468
Liabiliti bukan semasa		
Tanggungjawab manfaat persaraan	25,079	26,112
Geran tertunda	3,092	4,087
Liabiliti cukai tertunda	2,123	3,333
	30,294	33,532
Liabiliti semasa		
Perdagangan belum bayar	1,378,595	1,083,886
Sumbangan peserta kepada Dana Penjelasan	36,213	35,568
Lain-lain belum bayar	100,509	107,297
Cukai belum dibayar	3,501	6,704
	1,518,818	1,233,455
Jumlah liabiliti	1,549,112	1,266,987
Jumlah ekuiti dan liabiliti	2,436,352	2,086,455

HAK MILIK 2016

Bursa Malaysia Berhad (30632-P)


Semua hakcipta terpelihara.

Cakera padat ini mengandungi hasil kerja yang tertakluk di bawah hak milik dan lain-lain hak harta benda intelek. Hak tersebut adalah milik BURSA MALAYSIA BERHAD dan pihak ketiga tertentu (termasuk dan tidak terhad kepada, para pengarah, pereka cipta, jurugambar dan pelukis) yang mana hasil kerja mereka terdapat dalam cakera padat ini. Penghasilan semula yang melanggar undang-undang (termasuk mencetak) atau penyebaran semua atau sebahagian daripada kandungan cakera padat ini dalam apa-apa bentuk sekalipun adalah dilarang. Bagi mengelakkan kesangsian, cetakan tambahan bagi semua atau sebahagian daripada kandungan cakera padat ini (sama ada dengan cara elektronik atau konvensional) adalah dilarang dan boleh mengakibatkan pengambilan tindakan undang-undang sivil atau jenayah oleh pemilik hak.

Cara Memasang Cakera Padat Ini

Ini adalah CD-ROM Mainan Auto. Masukkan cakera padat ini ke dalam pemacu CD-ROM komputer anda dan ikuti arahan yang dipaparkan di skrin.

Peringatan: Klik pada ikon "Acrobat Reader" untuk memuat turun pemasang bagi tontonan PDF.



Keperluan Minimum Sistem

Windows

- Core 2 Duo atau lebih tinggi
- Windows XP ke atas
- 512MB RAM ke atas
- Kad bunyi dan pembesar suara
- Pameran warna tinggi (16-bit)
- Adobe Acrobat Reader 6

Macintosh

- Power Macintosh
- Mac OS 10.1 atau lebih tinggi
- 256MB RAM atau lebih tinggi
- Pameran warna minimum 24-bit
- Resolusi skrin 1024 X 768
- Pemacu CD-ROM dengan kelajuan 32X atau lebih tinggi
- Acrobat Reader 6 atau ke atas



MAKLUMBALAS

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda bagi memastikan kami menangani perkara yang penting bagi anda. Layari www.bursamalaysia.com atau emel kepada ir@bursamalaysia.com untuk mendapatkan borang maklumbalas, atau imbas Kod QR menggunakan telefon pintar anda.

IMBAS KOD QR DENGAN MENGIKUTI LANGKAH-LANGKAH MUDAH INI



1. Dapatkan

Muat turun aplikasi "QR Code Reader" dari Google Play (Pasar android), BlackBerry AppWorld, App Store (iOS/iPhone) atau Windows Phone Store



2. Pasang

Pasang aplikasi QR Code Reader dan halakan kamera anda kepada Kod QR



3. Akses

Dapatkan akses kepada borang maklumbalas



Bursa Malaysia Berhad (30632-P)
15th Floor, Exchange Square, Bukit Kewangan,
50200 Kuala Lumpur, Malaysia.

T: +603 2034 7000

F: +603 2732 6437

E: enquiries@bursamalaysia.com

www.bursamalaysia.com